

بَابُ الشَّعْرِ فِي الْمَسْجِدِ

41- Bab Bersyair Di Dalam Masjid.⁶⁷⁰

sebab tangannya.” Tetapi dengan syarat بَاءٌ pada بَكَهُ dipakai sebagai سَبَبِيَّةٌ (Baa’ dengan ma’na sebab), bukan بَاءُ اسْتِعَانَةٍ (Baa’ dengan ma’na dengan menggunakan). Kirmaani berpendapat: Boleh jadi juga بَكَهُ itu tidak dipakai dengan erti “dengan tangannya” tetapi dengan erti “dengan sebab dia menahan dirinya daripada memegang atau menjaga mata anak panah itu.” Beliau mentaqdirkannya begini: بَلِّغْهُ لَا يَجْرَحُ بِسَبَبِ تَرْكِهِ أَخْذَ النَّصْلِ مُسْلِمًا bermaksud: “agar dia tidak melukai seseorang Islam dengan sebab dia tidak memegang mata anak panah itu.” Biar apa pun andaian dibuat, yang lebih kuat ialah yang dikemukakan oleh Hafiz al-Aini tadi. Ia selain disokong riwayat al-Ashili, disokong juga oleh dua riwayat Muslim ini. (1) Melalui saluran riwayat Abi Usamah Imam Muslim meriwayatkan: فَلْيَمْسِكْ بَلِّغْهُ عَلَى نَصَالِهَا بَكَهُ أَنْ يُصِيبَ أَحَدًا مِنَ الْمُسْلِمِينَ مِنْهَا بِشَيْءٍ Bermaksud: dia hendaklah memegang mata anak panah itu dengan tangannya, takut-takut mana-mana bahagian anak panah itu mengenai seseorang Islam. (2) Melalui saluran riwayat Tsabit daripada Abi Burdah pula Imam Muslim meriwayatkan: فَلْيَأْخُذْ بِنَصَالِهَا ثُمَّ لِيَأْخُذْ بِنَصَالِهَا ثُمَّ لِيَأْخُذْ بِنَصَالِهَا Bermaksud: dia hendaklah memegang mata anak panahnya, dia hendaklah memegang mata anak panahnya, sekali lagi dia hendaklah memegang mata anak panahnya.

⁶⁷⁰ Di dalam sesetengah nuskah sebelum perkataan الشَّعْرُ ada perkataan إِنْشَادٌ. Maka ia membawa maksud “Bab Mengungkapkan Sya’ir (Sendiri Atau Sya’ir Orang Lain) Di Dalam Masjid.” Daripada komentar-komentar yang dibuat oleh para pensyarah Sahih Bukhari dapat difahami sekurang-kurangnya tiga maksud Bukhari di sebalik beliau mengadakan bab ini. (1) Mengisyaratkan kepada khilaf ‘ulama’ tentang hukum bersya’ir atau mengungkapkan sya’ir di dalam masjid. (2) Menta’wilkan zahir hadits yang menunjukkan larangan bersya’ir secara mutlaq di dalam masjid. (3) Menyatakan pandangan beliau sendiri berhubung dengan masalah ini. Sememangnya terdapat perbezaan pendapat ‘ulama’ tentang hukum bersya’ir atau mengungkapkan sya’ir di dalam masjid. Segolongan ‘ulama’ berpendapat bersya’ir atau mengungkapkan sya’ir di dalam masjid itu paling tidak hukumnya adalah makruh. Antara tokoh yang berpendapat demikian ialah Masruq, Ibrahim ani-Nakha’i, Salim bin ‘Abdillah, Hasan al-Bashri dan ‘Amar bin Syu’aib. Tetapi kebanyakan ‘ulama’ berpendapat harus jika ia tidak mengandungi unsur-unsur fitnah, lucah, pengampuan, kekarutan atau unsur-unsur lain yang melalaikan. Selain Bukhari, Sya’bi, Muhammad bin Sirin, Sa’id bin Musaiyyab, al-Qasim, ats-Tsauri, Al-Auzaa’i, Abu Hanifah, Malik, Syafi’e, Ahmad, Abu Yusuf, Muhammad bin al-Hasan, Ishaq, Abu Tsaur dan Abu ‘Ubaid juga berpendapat demikian. Jika sya’ir yang diungkapkan itu mengandungi i’tibar, pengajaran, ilmu, puji-pujian terhadap Allah dan RasulNya atau unsur-unsur yang membela dan mempertahankan agama, ia bukan sahaja harus malah dianggap elok kerana menepati sunnah Nabi s.a.w. Oleh kerana masing-masing pihak yang berbeza pendapat itu mempunyai dalil-dalil berupa hadits-hadits nabi s.a.w, maka Bukhari tidak memutuskan apa-apa hukum di dalam tajuk bab yang dibuatnya. Golongan ‘ulama’ yang menganggap makruh atau haram bersya’ir atau mengungkapkan sya’ir di dalam masjid berdalil dengan beberapa hadits dan atsaar. Antara lainnya ialah hadits-hadits dan atsar berikut ini: (1) Ramai sekali sahabat, seperti ‘Umar, Ibnu ‘Umar, Abu Hurairah, Jaabir, Sa’ad bin Abi Waqqhaas, Abu Sa’id al-Khudri dan lain-lain meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: لَنْ يَمْتَلَى جَوْفُ رَجُلٍ فَيْحًا خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَمْتَلَى شِعْرًا Bermaksud: Sesungguhnya adalah lebih baik perut seseorang penuh dengan nanah daripada perutnya penuh dengan sya’ir. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Thabaraani, Abu ‘Awaanah, Thahawi, ad-Dhiaa’ al-Maqdisi, Abu Daud at-Thayaalisi, Ibnu Abi Syaibah, al-Bazzaar dan lain-lain). (2) عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الشَّرَاءِ وَالْبَيْعِ فِي الْمَسْجِدِ وَأَنْ تُنْشَدَ فِيهِ ضَالَّةٌ وَأَنْ يُنْشَدَ فِيهِ شِعْرٌ وَنَهَى عَنِ التَّحْلُقِ قَبْلَ الصَّلَاةِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ Bermaksud: ‘Abdullah bin ‘Amar bin al-Aash meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melarang berjual beli, mencari barang yang hilang dengan membuat bising dan mengungkapkan sya’ir di dalam masjid. Baginda s.a.w. juga melarang daripada membuat halaqah pada hari Juma’at sebelum bersembahyang (Juma’at). (Hadits riwayat Abu Daud, Ahmad, Nasaa’i, Ibnu Khuzaimah, Thahawi, Ibnu Majah dan Tirmizi. Tirmizi mengatakan hadits ini hasan). (3) Hakeem bin Hizaam meriwayatkan, katanya: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُسْتَقَادَ فِي الْمَسْجِدِ وَأَنْ تُنْشَدَ فِيهِ الشُّعَارُ وَأَنْ تُقَامَ فِيهِ الْخُدُودُ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. melarang daripada dilaksanakan hukuman qishas, diungkapkan sya’ir dan dilaksanakan hukuman had di dalam masjid. (Hadits riwayat Abu Daud, Baihaqi, Daraquthni, dan lain-lain). Tiga hadits ini adalah yang terbaik dan paling sahih berhubung dengan larangan bersya’ir di dalam masjid. Hadits (1) adalah sahih. Hadits-hadits (2) dan (3) pula bertaraf hasan. Walaupun sesetengah pihak selalu juga mengemukakan beberapa hadits yang lain untuk menyokong pendapat

yang melarang bersya'ir di dalam masjid, tetapi pada hakikatnya hadits-hadits itu tidak dapat dijadikan hujah kerana kedha'ifannya. Di bawah ini diperturunkan hadits-hadits berkenaan bersama-sama dengan terjemahan dan komentar terhadapnya: (1) Abu al-Qasim al-Baghawi di dalam Mu'jamnya meriwayatkan daripada 'Utsman bin Abi Syaibah daripada Jarir daripada Muhammad bin Ishaq daripada Ya'qub bin 'Utbah daripada al-Harits bin Hisyam daripada ayahnya (Hisyam). Kata ayahnya (Hisyam): أتى ابن الحُمَامَةِ السَّلْمِيُّ إِلَى النَّبِيِّ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ فَقَالَ إِنِّي أَتَيْتُ عَلَى رِجْلَيْ نَعَالِي وَمَدَحْتُكَ قَالَ أَمْسِكْ عَلَيْكَ ثُمَّ قَامَ رَسُولُ اللَّهِ فَخَرَجَ بِهِ مِنَ الْمَسْجِدِ فَقَالَ مَا أَتَيْتُ بِهِ عَلَى رِجْلَيْ نَعَالِي وَأَمَّا مَدْحِي فَدَعَهُ عَنْكَ فَاتَّشَدَّ حَتَّى إِذَا فَرَّغَ دَعَا بِلَالًا فَأَمَرَهُ أَنْ يُعْطِيَهُ شَيْئًا ثُمَّ دَخَلَ أَمَّا رَسُولُ اللَّهِ عَلَى النَّاسِ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَى حَائِطِ الْمَسْجِدِ فَمَسَحَ بِهِ وَجْهَهُ وَذَرَعِيهِ ثُمَّ دَخَلَ Bermaksud: “Pernah Ibnu al-Humaamah (seorang penya'ir) datang / pergi menemui Nabi s.a.w. ketika Baginda s.a.w. berada di masjid. Dia berkata: “Saya hendak (mengungkapkan sya'ir untuk) menyatakan puji-pujian kepada tuhanku dan (saya juga) hendak menyatakan sanjungan (saya) kepadamu.” Nabi s.a.w. bersabda: “Nanti dulu.” Setelah bangun dan membawanya keluar dari masjid, barulah Rasulullah s.a.w. berkata: “Sekarang bolehlah engkau ungkapkan sya'ir untuk memuji tuhanmu. Adapun sanjungan kepadaku, itu tak payahlah.” Setelah dia (Ibnu al-Humaamah) selesai mengungkapkan sya'irnya, Rasulullah s.a.w. memanggil Bilal lalu Baginda s.a.w. menyuruh Bilal memberikan sesuatu kepadanya. Kemudian Rasulullah s.a.w. datang kepada orang ramai. Baginda s.a.w. meletakkan tangannya di dinding masjid lalu menyapu muka dan kedua lengannya kemudian masuk (ke dalam masjid semula).” Hadits ini jelas menunjukkan Nabi s.a.w. tidak suka orang bersya'ir di dalam masjid atau mengungkapkan sya'ir di dalamnya, walaupun ia merupakan sya'ir puji-pujian kepada Allah dan RasulNya. Kerana itulah beliau mengajak Ibnu al-Humaamah ke luar masjid. Hadits ini selain mursal kerana Hisyam bukan sahabat nabi s.a.w, isnadnya juga dha'if kerana ada di dalamnya perawi-perawi yang dipertikaikan seperti Jarir dan Ibnu Ishaq. (2) 'Abdur Razzaaq di dalam Mushannafnya meriwayatkan daripada Ibrahim bin Muhammad daripada Ibnu (anak) al-Munkadir daripada Asid bin 'Abdir Rahman, (katanya): أن شاعرا جاء إلى النبي صلى الله عليه وسلم وهو في المسجد فقال أنشدك يا رسول الله قال لا قال بلى فأذن لي قال النبي صلى الله عليه وسلم فأخرج من المسجد فخرج من المسجد قال فأعطاه النبي صلى الله عليه وسلم ثوبا وقال هذا بدل ما مدحت به ربك Bermaksud: Sesungguhnya ada seorang penya'ir datang kepada Nabi s.a.w. ketika Baginda s.a.w. berada di masjid. Penya'ir itu berkata: “Saya memohon kepadamu wahai Rasulullah (untuk memuji Allah dan rasulnya dalam bentuk sya'ir). Rasulullah s.a.w. menjawab: “Tidak boleh.” Penya'ir itu berkata: “Saya minta jugalah.” Maka Rasulullah s.a.w. membenarkan kepadanya dengan berkata: “Tetapi kamu keluarlah dari masjid.” Penya'ir itupun keluarlah dari masjid. Kata perawi: selepas itu Rasulullah s.a.w. memberikan kepadanya kain sambil Baginda bersabda: “Ini ialah ganjaran kepada pujianmu terhadap tuhanmu.” Hadits ini mungkin merupakan versi kedua bagi hadits (1) sebelum ini. Ia juga dha'if walaupun sanadnya berbeza daripada sanad hadits itu. 'Abdur Razzaaq telah meriwayatkannya daripada Ibrahim bin Muhammad atau dikenali juga dengan kunyahnya Ibnu Abi Yahya, salah seorang guru Syafi'e. Dia seorang yang terkenal sebagai perawi dha'if. (3) Ibnu as-Sunni meriwayatkan, katanya: al-Husain bin 'Abdillah al-Qatthaan meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Isa bin Hilal al-Himshi meriwayatkan kepada kami, katanya: Muhammad bin Himyar meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abbaad bin Katsir meriwayatkan kepada kami daripada Yazid bin Khushaifah daripada Muhammad bin 'Abdir Rahman bin Tsauban daripada ayahnya daripada datuknya Tsauban r.a. katanya: قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - من رأيتموه ينشد شعرا في المسجد فقولوا فض الله فاك ثلاث مرات Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila kamu melihat seseorang sedang mengungkapkan sya'ir di dalam masjid, katakanlah (kepadanya): “Semoga Allah memecahkan mulutmu / mematahkan gigimu. Tiga kali.” (Hadits riwayat Ibnu as-Sunni di dalam 'Amalu al-Yaumi Wa al-Lailati, at-Thabaraani di dalam al-Mu'jamu al-Kabir, Abu Nu'aim di dalam Ma'rifatu as-Sahabah dan Ibnu Mandah di dalam Ma'rifati as-Sahabah). Hadits ini sangat dha'if kerana di dalam sanadnya terdapat perawi-perawi dha'if dan majhul. Antara perawi utamanya ialah 'Abbaad bin Katsir. Dia adalah seorang perawi dha'if dan matruk (tidak diterima riwayatnya oleh tokoh-tokoh hadits). Di dalam kitab Raudhatu al-Muhadditsin, tersebut komentar Hafiz Ibnu Hajar terhadap Tsauban yang dikatakan telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda begitu. Kata beliau: “Tsauban yang tersebut di dalam sanad ini bukan sahabat yang terkenal sebagai maula (hamba bebasan) Rasulullah s.a.w. itu. Ia bahkan orang lain yang tidak diketahui kecuali di dalam isnad ini. Tidak ada pula orang lain yang meriwayatkan daripada 'Abdir Rahman bin Tsauban kecuali anaknya Muhammad. Dia sebenarnya termasuk antara perawi-perawi yang majhul. **Jumhur 'ulama' yang tidak melarang** secara mutlaq bersya'ir atau mengungkapkan sya'ir di dalam masjid, membantah hujah-hujah yang dikemukakan oleh golongan yang melarang secara mutlaq itu. Berikut ialah hasil bantahan mereka: (1) Hadits-hadits sahih yang menjadi pegangan golongan yang melarang bersya'ir atau mengungkapkan sya'ir di dalam masjid terlalu sedikit jika dibandingkan dengan hadits-hadits yang membenarkan atau menampakkan keharusannya. Yang betul-betul tidak dapat dipertikaikan kesahihannya hanyalah hadits لَنْ يَمْتَلِي جَوْفَ رَجُلٍ قَبِيحًا خَيْرٌ مِنْ أَنْ يَمْتَلِي شِعْرًا Bermaksud: Sesungguhnya adalah lebih baik perut seseorang penuh dengan

nanah daripada perutnya penuh dengan sya'ir. Tetapi hadits ini tidak jelas maksudnya. Ia termasuk dalam hadits yang masih menerima ta'wilan. Berikut ialah sebahagian daripada ta'wilan yang dikemukakan oleh para 'ulama' hadits: (a) Ia khusus dengan orang yang betul-betul leka dengan sya'ir sehingga terlupa kepada Allah, terlupa juga kepada al-Qur'an, hadits dan pedoman-pedoman syari'at Islam yang lain. (b) Sabda Rasulullah s.a.w. ini khusus dengan orang tertentu sahaja. Ertinya ia merupakan satu peristiwa khusus yang tidak boleh dijadikan panduan umum (واقعة عين لا عموم لها). Sebagai buktinya dapatlah dilihat di dalam hadits Muslim di bawah ini di mana Abu Sa'id al-Khudri menceritakan, kata beliau: *بَيْنَا نَحْنُ نَسِيرُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعَرَجِ إِذْ عَرَضَ شَاعِرٌ يُنْشِدُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خُذُوا الشَّيْطَانَ أَوْ امْسِكُوا الشَّيْطَانَ لَأَنْ يَمْتَلِي جَوْفَ رَجُلٍ قِيحًا خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَمْتَلِي شِعْرًا* Bermaksud: Pernah ketika kami sedang berjalan bersama-sama Rasulullah s.a.w. di 'Arj. Tiba-tiba tampil seorang penya'ir mengungkapkan sya'irnya. Rasulullah s.a.w. lantas bersabda: "Tangkap atau pegang syaitan itu. Sesungguhnya adalah lebih baik perut seseorang penuh dengan nanah daripada perutnya penuh dengan sya'ir." Inilah latar belakang yang mendorong persabdaan Baginda s.a.w. itu muncul. Ia tidak ditujukan kepada semua penya'ir. Ia hanya berkaitan dengan penya'ir tertentu yang telah mengungkapkan sya'ir هجاء atau sya'ir yang penuh dengan caci maki, ejekan, sindiran dan fitnah terhadap Rasulullah s.a.w. (c) Ia tidak khusus dengan sya'ir sindiran, ejekan, caci maki terhadap Nabi s.a.w. semata-mata, malah ia juga merangkumi orang-orang lain selain Baginda s.a.w. yang sememangnya baik dan tidak patut dikeji. (d) Ia hanya melibatkan sya'ir-sya'ir yang mengandungi unsur-unsur merepek, merapu, gila urat, mengampu dan fitnah, terutamanya terhadap Allah, nabi Muhammad s.a.w. dan agama Islam. (f) Hadits ini hanya berkenaan dengan penya'ir yang mengisi sepenuh perutnya dengan sya'ir-sya'ir sahaja, tanpa langsung berpandu kepada al-Qur'an, as-Sunnah dan kebenaran sejagat. (2) **Hadits kedua yang menjadi pegangan** golongan 'ulama' yang melarang bersya'ir di dalam masjid ialah hadits riwayat 'Amar bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya. *عن عمرو بن شعيب عن أبيه عن جده أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن الشراء والبيع في المسجد وأن تُنشد فيه* عن عمرو بن شعيب عن أبيه عن جده أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن الشراء والبيع في المسجد وأن تُنشد فيه Bermaksud: 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melarang berjual beli, mencari barang yang hilang dengan membuat bising dan mengungkapkan sya'ir di dalam masjid. Baginda s.a.w. juga melarang daripada membuat halaqah pada hari Juma'at sebelum bersembahyang (Juma'at). Walaupun kebanyakan 'ulama' mengatakan hadits ini hasan dan boleh dijadikan hujjah, tetapi tidak kurang juga bilangan mereka yang mengatakan hadits ini dha'if. Ibnu Hazam misalnya mengatakan, hadits-hadits riwayat 'Amar bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya hanya berpunca daripada Sahifahnyanya yang diwarisi secara munaawalah dan wijaadah. Kerana itu ia tidak sahih (dha'if). Yahya bin Sa'id al-Qatthaan juga berpendapat riwayat 'Amar bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya adalah dha'if. (3) **Hadits ketiga yang menjadi pegangan** golongan 'ulama' yang melarang bersya'ir atau mengungkapkan sya'ir di dalam masjid ialah hadits riwayat Hakeem bin Hizaam yang telah pun dikemukakan sebelum ini. Hadits ini juga dipertikaikan kesahihannya. Abu Muhammad al-Isybili berkata, ia adalah hadits dha'if. Illatnya ialah perawinya Zufar adalah seorang majhul. Ibnu al-Jauzi, Daraquthni dan Hafiz Ibnu Hajar di dalam Bulughul Maraamnya mengatakan hadits ini dha'if. Ya, paling tinggi hadits ini bertaraf hasan sahaja. Walaupun hadits kedua dan ketiga jelas menyebutkan larangan bersya'ir di dalam masjid, tetapi oleh kerana kesahihannya dipertikaikan tidaklah ia dapat mengatasi dan mengalahkan sekian banyak hadits sahih yang membenarkan bersya'ir di dalam masjid. **Jika diterima pun**, ia semestinya dita'wil supaya tidak bercanggah dengan sekian banyak hadits yang dengan jelas membenarkannya. Ibnu Batthaal umpamanya menta'wilkan hadits-hadits seperti ini dengan katanya: "Sya'ir yang dilarang diungkapkan di dalam masjid boleh jadilah yang betul-betul menguasai suasana masjid, sehingga sekalian orang yang berada di dalamnya mengambil bahagian dalam mencetuskan riuh-rendah dan gegak gempita akibatnya." Abu Nu'aim di dalam Kitabu al-Masaajidnya pula menyimpulkan dengan berkata: "Yang terlarang ialah sya'ir-sya'ir Jahiliyyah dan karut-marut sahaja. Adapun sya'ir-sya'ir Islam dan sya'ir-sya'ir yang menyatakan kebenaran, itu tidak dilarang malah dibenarkan." Tidak salahlah kalau dikatakan bahawa hadits-hadits yang melarang itu sebenarnya khusus ditujukan kepada sya'ir-sya'ir yang meleakakan, penuh ma'shiat dan tidak sesuai langsung dengan masjid. Kerananya tujuan asal masjid menjadi malap. Orang-orang yang hendak beribadat di dalamnya juga terganggu dan terhalang. **Sementara hadits sahih yang dijadikan dalil** oleh para 'ulama' yang membenarkan bersya'ir atau mengungkapkan sya'ir di dalam masjid pula lebih banyak, lebih terang dan lebih tinggi kedudukannya. Antaranya ialah: (1) Hadits 434 yang dikemukakan oleh Bukhari di atas. Selain Bukhari, Muslim, Ahmad, Nasaa'i, Abu Daud, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, Baihaqi dan lain-lain juga meriwayatkannya. Ia amat jelas dalam menunjukkan keharusan bersya'ir atau mengungkapkan sya'ir di dalam masjid. Memang itu pun maksud Bukhari mengemukakannya di bawah bab di atas. (2) Saiyyidatuna 'Aaisyah r.a. meriwayatkan, katanya: *كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَضَعُ لِحْسَانَ مَبِيرًا فِي الْمَسْجِدِ يَقُومُ عَلَيْهِ قَائِمًا يُفَاخِرُ عَنْ رَسُولٍ*

٤٣٤ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ الْحَكَمُ بْنُ نَافِعٍ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ أَنَّهُ سَمِعَ حَسَانَ بْنَ ثَابِتٍ الْأَنْصَارِيَّ يَسْتَشْهَدُ أَبَا هُرَيْرَةَ أَنَّهُ قَالَ أَشْهَدُكَ اللَّهَ هَلْ سَمِعْتَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ يَا حَسَّانُ أَجِبْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُمَّ أَيِّدْهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ نَعَمْ

434- Abu al-Yaman al-Hakam bin Naafi' meriwayatkan kepada kami, katanya: Suyaib meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri,⁶⁷¹ katanya: Abu Salamah bin

اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ قَالَ يَنَافِخُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَقُولُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ يُؤَيِّدُ حَسَّانَ بِرُوحِ الْقُدُسِ مَا يَفَاخِرُ أَوْ يَنَافِخُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. pernah meletakkan sebuah mimbar di dalam masjid untuk Hassaan berbangga dengan Baginda s.a.w. atau untuk beliau mempertahankan Baginda s.a.w. (menerusi sya'irnya). Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya Allah menyokong (mempertkuatkan) Hassaan dengan Ruh al-Qudus apabila dia berbangga atau mempertahankan Rasulullah s.a.w.” (Hadits riwayat Bukhari secara ta'liq, Tirmizi, Abu Daud, Ahmad, Abu Ya'la Thabaraani dan lain-lain secara muttashil). Di dalam satu riwayat Ahmad, di akhirnya ada tambahan perkataan بالشعر (dengan sya'irnya). Di dalam riwayat Thabaraani terdapat tambahan فينشده عليه (maka diungkapnya sya'ir-sya'ir di atas mimbar itu). Di dalam riwayat Abu Daud selepas في الأشعار (Di atas mimbar itulah dia يقوم عليه يهجو من قال في رسول الله صلى الله عليه وسلم (Di atas mimbar itulah dia mengungkapkan sya'ir هجاء (sya'ir ejekan dan sindiran sebagai tindak balas) terhadap orang-orang (kafir) yang telah mengejek Rasulullah s.a.w. menerusi sya'ir-sya'ir mereka. (3) Jaabir bin Samurah meriwayatkan, katanya: شهدت النبي صلى الله عليه وسلم أكثر من مائة مرة في المسجد وأصحابه يتذكرون الشعر وأشياء من شهدته النبي صلى الله عليه وسلم أكثر من مائة مرة في المسجد وأصحابه يتذكرون الشعر وأشياء من شهدته النبي صلى الله عليه وسلم Bermaksud: Lebih seratus kali saya menyaksikan Rasulullah s.a.w. di masjid ketika para sahabatnya berbincang-bincang tentang sya'ir dan beberapa perkara lain berhubung dengan 'amalan-amalan (di zaman) Jahiliyyah. Rasulullah s.a.w. kadang-kadang tersenyum bersama mereka. (Hadits riwayat Ahmad, Tirmizi dan Abu Daud at-Thayaalisi). Imam Tirmizi mengatakan hadits ini hasan sahih. (4) Imam Nasaa'i dengan sanadnya meriwayatkan daripada Simaak bin Harb, katanya: كنت ثجالس رسول الله صلى الله عليه وسلم قال نعم كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا صلى الفجر جلس في مصلاه حتى تطلع الشمس فيتحدث أصحابه يذكرون حديث الجاهلية وينشدون الشعر ويضحكون ويتبسمون وسمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا صلى الفجر جلس في مصلاه حتى تطلع الشمس فيتحدث أصحابه يذكرون حديث الجاهلية وينشدون الشعر ويضحكون ويتبسمون وسمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا صلى الفجر جلس في مصلاه حتى تطلع الشمس فيتحدث أصحابه يذكرون حديث الجاهلية وينشدون الشعر وأشياء من شهدته النبي صلى الله عليه وسلم Bermaksud: “Selalukah kamu berada di majlis Rasulullah s.a.w.? Jawab beliau, “Ya. Rasulullah s.a.w. apabila selesai bersembahyang Subuh, Baginda akan terus di tempat sembahyangnya sehingga terbit matahari. Ketika itu para sahabatnya bercakap-cakap tentang (amalan-amalan semasa) Jahiliyyah. Mereka mengungkapkan sya'ir dan ketawa. Rasulullah s.a.w. pula tersenyum.” (Hadits riwayat Nasaa'i di dalam Sunan Kubranya dengan sanad yang sahih). Keempat-empat hadits yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan keharusan bersya'ir dan mengungkapkan sya'ir di dalam masjid. Perkara yang sebenarnya menentukan harus atau tidak harus bersya'ir di dalam masjid ialah kandungannya. Jika kandungannya baik dan sesuai dengan tuntutan agama, maka ia diharuskan dan jika kandungannya karut-marut, tentulah ia tidak diharuskan. Kesimpulan seperti ini dibuat berdasarkan qaedah jama' dan taufiq di antara dua kelompok hadits yang bertentangan. Satu daripadanya melarang dan yang satu lagi pula membenarkan.

⁶⁷¹ Az-Zuhri adalah madaar hadits ini. Menerusi riwayat Abu al-Yamaan ini beliau telah meriwayatkannya daripada Abi Salamah bin Abdir Rahman bin 'Auf. Di dalam Kitab Bad'i al-Khalq di bawah Bab Zikr al-Malaikah, Bukhari meriwayatkan hadits Zuhri ini daripada Sa'id bin Musaiyyab menerusi saluran riwayat 'Ali bin 'Abdillah al-Madini dengan sedikit perbezaan pada lafaznya. Teks dan terjemahannya adalah seperti berikut: حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا سَفْيَانُ حَدَّثَنَا الزُّهْرِيُّ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ قَالَ مَرَّ عُمَرُ فِي الْمَسْجِدِ وَحَسَّانُ يُنْشِدُ فَقَالَ كُنْتُ أَشْهَدُكَ اللَّهَ هَلْ سَمِعْتَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ أَجِبْ عَنِ اللَّهِ أَيُّدْهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ قَالَ نَعَمْ Bermaksud: Pernah 'Umar lalu di masjid (Nabi s.a.w.). Ketika itu Hassaan sedang mengungkapkan sya'ir. (Setelah dipandang sinis oleh 'Umar) Hassaan berkata: “Dahulu aku selalu mengungkapkan sya'ir di dalam masjid ini. Pada ketika itu di dalamnya ada orang yang lebih baik lagi daripadamu.” Kemudian Hassaan berpaling kepada Abi Hurairah lalu berkata: “Sekarang aku mahu bertanya kamu dengan nama Allah. Pernahkah kamu mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda (kepadaku): “Jawablah bagi pihakku. Ya Allah, sokonglah (perkuatlah) dia dengan Ruh al-Qudus? Jawab Abu Hurairah: “Ya, (pernah).” Untuk menyelesaikan kemusykilan dan kekusutan yang mungkin timbul daripada kedua-dua hadits ini, kedua-duanya mestilah diletakkan di hadapan di samping hadits-hadits lain yang diriwayatkan oleh Muslim dan lain-lain. **Kemusykilan dan kekusutan yang mungkin timbul daripada kedua-dua hadits riwayat Abu al-Yamaan dan riwayat 'Ali ialah: (a) Bagaimana Zuhri telah meriwayatkan daripada Abu Salamah bin 'Abdur Rahman bin 'Auf dan Sa'id bin Musaiyyab. Tidakkah ini termasuk dalam idhthirab pada isnad?**

(b) Bagaimana boleh Abu Salamah bin 'Abdur Rahman bin 'Auf dan Sa'id bin Musaiyyab menceritakan kisah Saiyyidina 'Umar lalu di masjid Nabi s.a.w. ketika Hassaan sedang mengungkapkan sya'ir. Bukankah mereka berdua tidak berada di majlis di mana berlakunya peristiwa itu? Saiyyidina 'Umar wafat pada tahun 23H. Sa'id lahir pada tahun 21H. Umur dua tahun tentunya bukan umur yang layak untuk tahammul (menerima) hadits. Abu Salamah bin 'Abdur Rahman bin 'Auf pula lebih muda daripada Sa'id. Kalau begitu kedua-dua riwayat yang dikemukakan di atas adalah mursal bukan marfu' dan muttashil. (c) Kenapa Bukhari mengemukakan hadits Zuhri daripada Abu Salamah bin 'Abdur Rahman bin 'Auf di bawah bab ini. Padahal di dalamnya tidak tersebut perkataan masjid. Di dalam riwayat Sa'id bin Musaiyyab pula memang ada tersebut. Tetapi Bukhari tidak pula membawanya di bawah tajuk bab di atas yang memang sesuai sekali dengannya? (d) Bilakah masa berlakunya permintaan Hassaan kepada Abu Hurairah supaya bersaksi. Adakah ia berlaku di hadapan 'Umar ketika beliau masih hidup atau selepas kewafatan beliau? (e) Di mana ada tersebut di dalam kedua-dua riwayat itu Nabi s.a.w. menyuruh Hassaan menjawab bagi pihaknya dalam bentuk sya'ir? Bagaimana Bukhari dapat menyimpulkan bahkan berdalil dengannya tentang keharusan bersya'ir di dalam masjid. Sedangkan belum terbukti lagi dengan jelas Hassaan disuruh menjawab dalam bentuk sya'ir? (f) Apa perlunya Hassaan begitu bersungguh-sungguh meminta pengesahan daripada Abi Hurairah? **Jawapan kepada kemusykilan (a)** ialah perbezaan isnad seperti ini tidak dipanggil idhthirab kerana Zuhri memang telah menerima riwayat ini daripada kedua-dua mereka. kadang-kadang dia meriwayatkan hadits ini daripada Abi Salamah bin Abdur Rahman bin 'Auf dan kadang-kadang pula dia meriwayatkannya daripada Sa'id bin Musaiyyab. **Jawapan kepada kemusykilan (b)** ialah memang Abu Salamah bin 'Abdur Rahman bin 'Auf dan Sa'id bin Musaiyyab tidak sempat meriwayatkan sesuatu daripada 'Umar. Malah mengikut sesetengah 'ulama' mereka tidak sempat pun dengan zaman 'Umar. Tetapi mereka berdua telah mendengar kisah itu daripada Abi Hurairah dan Hassaan yang mengisahkan peristiwa tersebut kemudian hari. Cerita lalu 'Umar di masjid ketika Hassaan sedang bersya'ir itu sebenarnya diambil mereka daripada Hassaan atau Abi Hurairah, dan ia jelas merupakan hadits marfu' dan muttashil. Hadits di atas jelas menunjukkan Abu Salamah bin 'Abdur Rahman bin 'Auf mendengarnya daripada Hassaan. Sa'id bin Musaiyyab pula jelas mengambil kisah ini daripada mertuanya Abu Hurairah r.a. berdasarkan riwayat Muslim ini: حَدَّثَنَا عَمْرُو النَّاقِثُ وَإِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ وَإِبْنُ أَبِي عُمَرَ كُلُّهُمْ عَنْ سَفْيَانَ قَالَ عَمَرُو حَدَّثَنَا سَفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ سَعِيدٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ عُمَرَ مَرَّ بِحَسَّانَ وَهُوَ يُنْشِدُ الشَّعْرَ فِي الْمَسْجِدِ فَلَحَظَ إِلَيْهِ فَقَالَ قَدْ كُنْتُ أَنْشِدُ وَفِيهِ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنْكَ ثُمَّ التَفَتَ إِلَى أَبِي هُرَيْرَةَ فَقَالَ اشْتَدَّكَ اللَّهُ أَسْمِعْتَ رَسُولَ اللَّهِ يُنْشِدُ الشَّعْرَ فِي الْمَسْجِدِ بَلَّغْهُ أَيْدِيَهُ بَرُوحَ الْفَنَسِ قَالَ اللَّهُمَّ نَعَمْ Bermaksud: Pernah 'Umar lalu di masjid (Nabi s.a.w.). Ketika itu Hassaan sedang mengungkapkan sya'ir. Setelah dipandang sinis oleh 'Umar, Hassaan berkata: "Dahulu aku selalu mengungkapkan sya'ir di dalam masjid ini. Pada ketika itu di dalamnya ada orang yang lebih baik lagi daripadamu." Kemudian Hassaan berpaling kepada Abi Hurairah lalu berkata: "Sekarang aku mahu bertanya kamu dengan nama Allah. Pernahkah kamu mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda (kepadaku): "Jawablah bagi pihakku. Ya Allah, sokonglah (perkuatlah) dia dengan Ruh al-Quds.?" Jawab Abu Hurairah: "Ya, (pernah)." Selain Muslim, hadits ini diriwayatkan juga oleh Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan Abu Ya'la. Imam Bukhari juga sebenarnya boleh mengemukakan hadits ini secara muttashil seperti Muslim, kerana ia juga menepati syarat beliau. Tetapi beliau dengan sengaja tidak membawanya untuk menyatakan pendiriannya tentang kedudukan mursal Sa'id bin Musaiyyab dan kesepakatan 'ulama' tentang kuat dan sahihnya mursal beliau. Yahya bin Ma'in berkata: "Hadits mursal yang paling sahih ialah hadits mursal Sa'id bin Musaiyyab." Demikian juga kata Imam Ahmad dan lain-lain tokoh hadits. **Jawapan kepada kemusykilan (c)** ialah itu memang metodologi yang sering dipakai oleh Bukhari di dalam kitabnya ini. Menggunakan dalil yang kurang terang sebagai isyarat kepada dalil yang lebih terang. Di dalam hadits yang diriwayatkan daripada Sa'id jelas tersebut peristiwa lalu 'Umar di masjid ketika Hassaan sedang mengungkapkan sya'ir di dalamnya. Kerana itulah Bukhari tidak menggunakannya di bawah bab ini. Semua orang akan tahu berdalil dengan hadits yang terang seperti itu. Yang tidak semua orang tahu ialah berdalil dengan hadits yang tidak terang seperti hadits Abu Salamah bin 'Abdur Rahman bin 'Auf. Bagaimanapun hadits kedua-dua mereka adalah berkenaan dengan peristiwa yang sama dan saling menjelaskan. Oleh itu kedua-duanya sama sekali tidak harus dipisahkan. **Jawapan kepada kemusykilan (d)**. Riwayat Sa'id bin Musaiyyab kelihatan menggambarkan kehadirannya dalam peristiwa lalu Saiyyidina 'Umar di masjid ketika Hassaan sedang mengungkapkan sya'ir di dalamnya. Ia juga sepintas lalu menggambarkan permintaan Hassaan kepada Abu Hurairah supaya bersaksi telah berlaku di hadapan 'Umar ketika beliau masih hidup sebagai reaksi kepada kemarahan 'Umar terhadapnya. Padahal sebetulnya permintaan Hassaan itu telah berlaku selepas kewafatan 'Umar. Hakikat ini dapat dilihat dengan jelas sekali di dalam riwayat Abu Salamah bin 'Abdur Rahman bin 'Auf yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah tajuk bab di atas. Riwayat Abu Salamah bin 'Abdur Rahman bin 'Auf dalam soal ini memang lebih terang berbanding riwayat Sa'id bin Musaiyyab. Kerana itulah juga Imam

`Abdur Rahman bin `Auf memberitahuku bahawa dia telah mendengar Hassaan bin Tsabit al-Anshaari⁶⁷² meminta Abu Hurairah bersaksi dengan katanya: “Aku mahu bertanya kepadamu dengan nama Allah. Adakah engkau pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Wahai Hassaan. Jawablah bagi pihak Rasulullah s.a.w. (dalam bentuk sya`ir juga kepada orang-orang musyrikin). Ya Allah, perkuatkanlah Hassaan dengan Ruh al-Qudus (Jibril)?” Abu Hurairah menjawab: “Ya”.⁶⁷³

Bukhari mengutamakan riwayatnya daripada riwayat Sa'id untuk dikemukakan di bawah bab ini, meskipun tidak tersebut di dalamnya perkataan masjid. Selain itu di dalam riwayat Sa'id sendiri jika diteliti, sebenarnya sudah ada petunjuk yang mengisyaratkan kepada permintaan Hassaan kepada Abu Hurairah supaya bersaksi itu telah berlaku selepas kewafatan `Umar dan ia disaksikan oleh Abu Salamah dan Sa'id. Petunjuk itu ialah perkataan **ثم** yang memberi erti tartib dan taraakhi. Ertinya berpaling Hassaan kepada Abi Hurairah dan permintaannya supaya Abu Hurairah bersaksi itu telah berlaku lama selepas sanggahannya terhadap `Umar yang tersebut sebelum itu. **Jawapan kepada kemusykilan (e)** ialah anda sering kali tidak dapat menentukan sesuatu perkara dengan semata-mata melihat sebuah hadits atau sesuatu keterangan. Untuk memahami hadits dengan betul anda semestinya melihat secara terperinci segala hadits yang berkenaan dengannya. Oleh kerana kisah Hassaan bersya`ir untuk menyerang balas serangan orang-orang kafir terhadap Rasulullah s.a.w. dalam bentuk sya`ir juga, telah diketahui umum melalui sekian banyak hadits, Bukhari merasakan ia tidak perlu dikemukakan lagi. Cukuplah sekadar beliau mengisyaratkan kepadanya sahaja. Selain beberapa hadits yang telah dikemukakan sebelum ini, lihat juga dua hadits berikut ini sebagai contoh tambahan: (1) Baraa' bin `Aazib meriwayatkan, katanya: **قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِحَسَّانِ أَهْجُهُمْ أَوْ هَاجِهِمْ وَجَبْرِيلٌ مَعَكَ** Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda kepada Hassaan. “Ejeklah mereka menerusi sya`ir ejekan. Jibril ada bersamamu.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Nasaa'i, Ahmad, Baihaqi, Thahawi dan lain-lain). (2) `Aaisyah meriwayatkan, katanya: Nabi s.a.w. bersabda: **أَهْجُوا قَرِيْشًا فَإِنَّهُ أَشَدُّ عَلَيْهِمْ مِنْ رَشَقِ النَّبْلِ** Bermaksud: “Ejeklah orang-orang (kafir) Quraisy dengan menggunakan sya`ir. Ia lebih dahsyat kepada mereka daripada (terkena) panahan anak panah.” (Hadits riwayat Muslim, Thabaraani dan Baihaqi). **Jawapan kepada kemusykilan (f)** ialah (1) Ia dirasakan perlu oleh Hassaan kerana di dalam hadits yang diriwayatkannya itu terdapat pujian terhadap dirinya sendiri. (2) Untuk menghilangkan kekeliruan sesetengah pihak bahawa bersya`ir di dalam masjid adalah sesuatu yang tidak elok dan terlarang secara mutlaq.

⁶⁷² Silisilah nasabnya dengan lebih lengkap ialah Hassaan bin Tsabit bin al-Munzir bin al-Haraam bin `Amar bin Zaid bin `Adi bin an-Najjaar bin Ts`alabah bin `Amar bin al-Khazraj. Beliau dikenali sebagai penya`ir Rasulullah s.a.w. Terkenal sebagai tokoh penya`ir semenjak zaman Jahiliyyah hingga ke zaman Islam. Hidup di zaman Jahiliyyah selama enam puluh tahun. Di zaman Islam juga selama enam puluh tahun. Wafat pada tahun 50H ketika berumur 120 tahun. Abu Nu`aim di dalam kitabnya Ma`rifatu as-Shahabah menulis: “Tidak diketahui ada di kalangan bangsa `Arab empat orang dari keturunan yang sama berumur 120 tahun secara berturut-turut selain Hassaan. Beliau sendiri berumur 120 tahun. Ayah, datuk dan ayah kepada datuknya juga berumur 120 tahun.”

⁶⁷³ Antara pengajaran dan panduan yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Sya`ir yang mengandungi kebenaran dan kebaikan tidak haram di ungkapkan di dalam masjid. Yang terlarang dan haram ialah sya`ir-sya`ir yang mengandungi unsur-unsur keji seperti syirik, fitnah, dusta, lucah, mengampu, pujian terhadap rupa paras wanita dan lain-lain. (2) Keharusan bertindak balas terhadap kejahatan orang-orang kafir dengan kejahatan seumpamanya. (3) Sya`ir telah digunakan oleh orang-orang kafir di zaman Rasulullah s.a.w. sebagai sarana untuk mengejek, mencemuh, mencaci maki, memfitnah dan memburuk-burukkan Baginda s.a.w, para sahabat dan agama Islam itu sendiri. Kerananya Rasulullah s.a.w. membenarkan, malah menggalakkan para sahabatnya yang berkaliber dalam sya`ir supaya membalas serangan orang-orang kafir dalam bentuk sya`ir itu dengan sya`ir juga. (4) Keharusan meminta seseorang menjadi saksi yang menyokong kita terutamanya dalam menghadapi kontroversi atau soal-soal yang berkenaan dengan kelebihan diri kita sendiri. (5) Keharusan meminta dan bertanya seseorang dengan nama Allah atau kerana Allah untuk menyatakan kesungguhan dan keseriusan permintaan atau pertanyaan yang diajukan. (6) Sabda Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas: “Wahai Hassaan. Jawablah bagi pihak Rasulullah s.a.w...” dijadikan pegangan oleh para `ulama' bahawa orang-orang Islam diharuskan mengatai orang-orang kafir hanya apabila orang-orang kafir mengatai mereka terlebih dahulu. Orang-orang Islam sama sekali tidak dibenarkan mencetus

بَابُ أَصْحَابِ الْحِرَابِ فِي الْمَسْجِدِ

42- Bab Orang-Orang Yang Bermain Lembing Di Dalam Masjid.⁶⁷⁴

kekecohan terlebih dahulu. Ini kerana dengan mencetuskan punca kata mengata dan pergaduhan, mungkin akan mendorong mereka memaki hamun Allah sendiri. Itulah sebabnya Allah berfirman melarang orang-orang Islam memaki orang-orang kafir menerusi ayat:108 Surah al-An'aam seperti di bawah ini:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَتْهُمْ نُفْسُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Bermaksud: Dan janganlah kamu memaki dan mencerca orang-orang yang menyembah seain dari Allah, kerana mereka kelak, akan memaki dan mencerca Allah secara melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang dahulu mereka lakukan. (Surah al-An'aam:108). (7) Keelokan mendoakan kebaikan untuk orang-orang yang berjuang menentang musuh Islam secara umum. Hadits di atas menunjukkan orang yang berjuang dengan sya'irnya seperti Hassaan telah mendapat doa kebaikan yang khusus daripada rasulullah sendiri. (8) Rasulullah s.a.w. tidak akan mendoakan kebaikan untuk seseorang kerana sesuatu perbuatannya, jika perbuatannya itu tidak baik pada pandangan agama. Secara tidak langsung ia menunjukkan sya'ir yang baik boleh diungkapkan di dalam masjid dan ia merupakan sesuatu yang baik pada pandangan Islam. (9) Orang yang memperjuangkan agama Islam dan membelanya disokong oleh para malaikat. Ada kalanya malaikat yang menyokong dan memperluatkannya itu bukan calang-calang malaikat, tetapi Ruhul Qudus (Ruh Suci) atau Jibra'il sendiri. (10) Kelebihan Hassaan bin Tsabit terserlah melalui hadits ini. Orang-orang yang mengikut jejak langkahnya juga sudah pasti direstui Rasulullah s.a.w. dan dengan itu dia diharapkan akan memperolehi ganjaran yang sewajarnya. (11) Apabila diminta bersaksi atau menyokong sesuatu perkara yang baik, seseorang Islam hendaklah tampil ke hadapan tanpa rasa takut dan ragu-ragu.

⁶⁷⁴ Pada keseluruhannya para pensyarah Sahih Bukhari berpendapat, maksud utama Imam Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan keharusan masuk ke dalam masjid dengan membawa senjata seperti lembing dan sebagainya, jika tidak mendatangkan mudharat kepada sesiapa dan ada pula tujuan yang baik. Antara tujuan yang baik ialah seperti berlatih menggunakannya sebagai persiapan untuk berjihad di jalan Allah. Al-'Aini mentaqrirkan tajuk bab di atas dengan katanya: أي هذا باب في بيان جواز دخول أصحاب الحراب في المسجد (Maksudnya ialah ini adalah bab pada menyatakan keharusan orang-orang yang membawa lembing memasuki masjid). Al-Muhallab berkata: "Masjid didirikan untuk kepentingan umat Islam. Apa-apa yang mendatangkan faedah kepada agama Islam dan umat Islam harus dibuat di dalam masjid. Bermain lembing dengan maksud berlatih dan menyiapkan diri untuk menghadapi musuh bukan sahaja harus di luar masjid malah harus juga di dalam masjid." Menurut Hafiz Ibnu Hajar, bab ini selain menunjukkan keharusan membawa masuk senjata seperti lembing dan lain-lain ke dalam masjid, ia juga diadakan Bukhari untuk mentakhsiskan (menghadkan keluasan) dua bab yang lalu (bab ke 39 dan ke 40) yang menghendaki pembawa senjata ke dalam masjid mestilah memegang mata atau bahagian yang tajam daripada senjata yang dibawanya. Arahan seperti itu hanya khusus ketika terdapat ramai orang di dalam masjid atau ketika orang-orang sedang bersembahyang di dalamnya. Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi di dalam Laami' ad-Daraari berkata: "Maksud Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan bahawa tidak mengapa melakukan perkara-perkara yang harus seperti itu di dalam masjid jika ia disertai dengan niat beribadat. Selagi masjid tidak dijadikan sebagai tempat awam bermain lembing seperti itu dan selagi ia tidak membahayakan orang-orang Islam atau mendatangkan kemudharatan-kemudharatan yang lain, selama itulah ia diharuskan." Bagi penulis, bermula daripada tajuk bab ke 41 hingga ke bab 44 Bukhari bermaksud menyatakan sesuatu yang pada zahirnya kelihatan tidak sesuai dibuat di dalam masjid, belum pasti lagi hukumnya haram atau makruh, jika ada niat yang baik dan dibuat dengan cara yang betul pula. Oleh kerana jihad juga satu ibadat dalam Islam, maka persiapan untuknya (termasuk berlatih bermain senjata tertentu) harus juga dibuat di dalam masjid. Permainan yang tidak diharuskan di dalam masjid ialah permainan yang sia-sia dan langsung tidak berfaedah kepada agama. Adapun permainan yang ada kaitan dengan tuntutan agama, ia bukan sahaja diharuskan malah digalakkan. Permainan-permainan seperti itu boleh diadakan di tempat yang suci seperti masjid sekalipun, dengan syarat tidak mengganggu dan membahayakan orang-orang yang berada di dalamnya. Ia boleh diadakan misalnya, ketika bukan waktu bersembahyang jama'ah

٤٣٥ - حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ صَالِحِ بْنِ كَيْسَانَ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا عَلَى بَابِ حُجْرَتِي وَالْحَبَشَةُ يَلْعَبُونَ فِي الْمَسْجِدِ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتُرُنِي بِرِدَائِهِ أَنْظُرُ إِلَى لَعِبِهِمْ زَادَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْذِرِ حَدَّثَنَا ابْنُ وَهْبٍ أَخْبَرَنِي يُونُسُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْحَبَشَةُ يَلْعَبُونَ بِحِرَابِهِمْ

435- `Abdul Aziz bin `Abdullah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibrahim bin Sa`ad meriwayatkan kepada kami daripada Shalih bin Kaisaan daripada Ibni Syihaab, katanya: `Urwah bin az-Zubair meriwayatkan kepadaku bahawa `Aaisyah telah berkata: “Sesungguhnya pernah pada suatu hari aku melihat Rasulullah s.a.w. berada di pintu rumahku. Pada ketika itu orang-orang Habsyah sedang (berlatih) bermain⁶⁷⁵

atau ketika tidak ada orang di dalamnya. Tajuk bab di atas bagi penulis lebih sesuai ditaqdirkan begini: باب الذين يلعبون بالحراب أو الأسلحة الآخر في المسجد أي ما حكم لعبهم فيه أو باب ما حكم اللعب بالحراب أو الأسلحة الآخر في المسجد فالسؤال والجواب كلاهما محذوفان وتقدير جوابه أن يكون مثلاً هو يختلف باختلاف الظروف والأحوال والنيات . Ibnu at-Tin menukulkan bahawa Abu al-Hasan al-Lakhmi berpendapat keharusan bermain lembing seperti tersebut di dalam hadits-hadits di atas telah dimansukhkan dengan al-Qur`an dan as-Sunnah. Al-Qur`an yang dimaksudkan oleh beliau ialah firman Allah di dalam dua ayat berikut ini:

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تَرْفَعَ وَيُذَكَّرَ فِيهَا أَسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ﴿٣٦﴾ رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: Beribadat kepada Allah di masjid-masjid, di mana diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan dan disebut serta diingati namaNya pada waktu pagi dan petang, (36) orang-orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (juga) jual beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan (daripada) mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Mereka takutkan suatu hari (kiamat) yang padanya berbolak-balik hati dan penglihatan. (37). (An-Nuur:36-37).

As-Sunnah yang dimaksudkan oleh beliau pula ialah hadits berikut ini: جَنَّبُوا مَسَاجِدَكُمْ صِبْيَانَكُمْ وَمَجَانِينَكُمْ وَشِرَاءَكُمْ وَبَيْعَكُمْ وَخُصُومَاتَكُمْ وَرَفَعَ أَصْوَاتَكُمْ وَإِقَامَةَ خُدُوعِكُمْ وَسَلَّ سَيْفِيكُمْ وَاتَّخَذُوا عَلَى أَيْوَابِهَا الْمَطَاهِرَ وَجَمَرُوهَا فِي الْجُمُعِ Bermaksud: “Elakkan masjid-masjid kamu daripada kanak-kanak, orang-orang gila, berjual beli, perbantahan, meninggikan suara, melaksanakan hukuman hudud dan menghunuskan pedang-pedang di dalamnya. Sediakanlah tempat-tempat bersuci di pintu-pintu masjid dan ukupkannya pada hari Juma`at. (Hadits riwayat Ibnu Majah). Hadits ini dengan sedikit sebanyak perbezaan pada lafaznya dan dengan terdahulu atau terkemudian beberapa lafaznya telah diriwayatkan juga oleh at-Thabaraani, al-Baihaqi, al-Bazzaar, `Abdur Razzaaq, Ishaq, al-`Uqaili, Ibnu `Adi, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain. Walaupun ia diriwayatkan daripada beberapa orang sahabat seperti Waatsilah bin al-Asqa`, Abu Umaamah, Abu ad-Dardaa`, Mu`aaz bin Jabal, Abu Hurairah dan Ibnu Mas`ud, tetapi sanadnya tidak ada satu pun yang sahih. Ia berkisar hanya di antara maudhu` atau dha`if. Ibnu Majah meriwayatkan hadits di atas dengan sanadnya daripada Waatsilah bin al-Asqa`. Isnadnya dha`if kerana terdapat di dalamnya tiga orang perawi: Pertamanya ialah al-Harits bin Nabhaan. Dia seorang perawi yang telah disepakati `ulama` Rijal tentang kedha`ifanya. Kedua: `Utbah bin Yaqzan. Dia adalah seorang perawi yang dipertikaikan oleh `ulama` Rijal. An-Nasaa`i mengatakan, dia perawi tidak tsiqah. `Ali bin al-Hasan bin al-Junaid pula mengatakan, dia adalah seorang perawi yang tidak bernilai langsung. Ketiga: Abu Sa`id as-Syaami. Menurut Hafiz Mughulthaa di dalam Syarah Ibnu Majahnya dan Hafiz Ibnu Hajar di dalam Taqribu at-Tahzib, dia adalah seorang perawi majhul. Selain `Utbah tidak ada orang lain meriwayatkan hadits daripadanya. Sebenarnya tidak ada pun petunjuk yang terang baik di dalam ayat atau hadits di atas untuk da`waan Abu al-Hasan al-Lakhmi itu.

⁶⁷⁵ Kirmaani menimbulkan soalan di sini kemudian menjawab soalan itu sendiri. Soalannya ialah bagaimana rasulullah boleh membiarkan mereka bermain di dalam masjid. Tidakkah bermain di dalam masjid itu bercanggah dengan kehormatan dan kemuliaan masjid? Jawabnya ialah permainan itu pada hakikatnya adalah (dikira sebagai) keta`atan, kerana ada faedahnya untuk berjihad. Walaupun pada lahirnya ia hanya suatu permainan.